

Kerajaan Selangor pertahan KSSB

Shah Alam: Kerajaan Selangor mempertahankan fungsi pasukan petugas khas Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang ditubuh bagi memantau dan mencegah kegiatan mencuri pasir di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata KSSB serta pegawai daerah tidak boleh dipersalahkan berhubung kes kecurian yang masih berlaku, kerana pihak berkuasa sudah melaksanakan pelbagai langkah pembanterasan.

"Saya percaya, pegawai daerah atau KSSB akan terus membuat perkara perlu untuk menentukan supaya kecurian dan pencerobohan pasir dapat dihentikan.

"Kalau ada kes kecurian, penahanan (jentera) ini akan dibuat dalam tempoh lama dan jentera ini tidak akan dibenar digunakan lagi (bagi tujuan mencuri pasir)," katanya selepas merasmikan Pelancaran Kursus Perdana Skim Keselamatan Kejiranran Pangsapuri (SEROJA) Negeri Selangor di sini, semalam.

Beliau mengulas kegiatan curi pasir di kawasan bersebelahan kuari Sungai Long yang dikesan terus berlaku, meskipun petugas khas KSSB ditubuhkan bagi menanganiinya.